

## **Perpaduan Nasional dan Pertumbuhan Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Perpaduan nasional amat penting untuk pertumbuhan ekonomi terutama untuk negara berbilang kaum seperti Malaysia. Ekonomi Malaysia telah tumbuh dengan pesat terutama bermula di dekad 1980an apabila penumpuan yang lebih diberi kepada sektor perindustrian atau pembuatan sebagai jentera pertumbuhan, beralih dari pergantungan kepada sektor komoditi pertanian. Strategi utama yang diguna pakai untuk menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan pada ketika itu adalah melalui penarikan pelaburan asing terus (FDI) untuk mendirikan kilang di Malaysia. FDI telah berjaya meningkatkan peluang pekerjaan di samping memberi peluang kepada perpindahan teknologi ke negara kita. Apa yang berlaku selepas itu adalah seperti apa yang tercatat di dalam lipatan sejarah, yakni Malaysia tergolong di antara sebilangan kecil negara di dunia yang mampu mencipta pertumbuhan ekonomi yang pesat di dalam masa yang singkat.

Namun mungkin ramai yang tidak sedar bahawa sejarah tersebut tidak mungkin di ukir tanpa perpaduan nasional yang terjalin dari semenjak selepas merdeka. Tidak di nafi bahawa Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang kaya dengan sumber semula jadi. Namun, tidak kurang juga negara yang kaya dengan sumber seperti Malaysia tetapi tidak mampu meneladani apa yang kita lalui, misalnya Sri Lanka.

Sri Lanka, seperti Malaysia merupakan bekas jajahan *British*, telah mencapai kemerdekaan terlebih dahulu. Negara ini di samping mempunyai asas-asas yang kukuh seperti Malaysia terutama dari segi kekayaan sumber, turut mempunyai lokasi yang menarik. Ramai pelabur-pelabur utama dunia berminat untuk melabur di Sri Lanka di awal dekad 1980an. Namun perubahan rejim pada tahun 1983 telah menyaksikan konflik etnik yang berpanjangan, yang seterusnya menyaksikan banyak pelabur asing yang di dalam proses mendirikan pelaburan di sana menarik diri.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Contohnya, Motorola telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Malaysia daripada rancangan asal mereka untuk melabur di Sri Lanka.

Faktor keharmonian masyarakat ini sering diberi penekanan yang tinggi di dalam mengira risiko pelaburan oleh pelabur-pelabur asing. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain juga turut menjadi lebih rancak dengan adanya keharmonian masyarakat. Justeru, boleh dirumuskan bahawa, perpaduan nasional merupakan prasyarat kepada pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi akan tergugat dengan ketiadaan keharmonian masyarakat, walaupun keharmonian masyarakat tidak menjamin pertumbuhan ekonomi.

Sejarah juga membuktikan bahawa perpaduan nasional merupakan prasyarat pertumbuhan ekonomi untuk kuasa besar dunia. Contohnya, ahli sejarah sering mengaitkan pembinaan jaringan kereta api di Amerika Syarikat (AS) di abad ke sembilan belas dengan perpaduan nasional dan berfungsi sebagai jentera pembangunan ekonomi tatkala itu.

Dari sudut yang lain, perlu juga diingat bahawa ketidakharmonian masyarakat memberi kos kepada negara. Umpamanya kos berkaitan dengan pengendalian pertelingkahan kaum. Ini bermakna, bukan sahaja isu ini mengganggu pertumbuhan ekonomi, ianya juga mengalihkan sumber yang sepatutnya digunakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi atau masyarakat kepada penggunaan untuk langkah pembetulan. Jadi pada umumnya ketidakharmonian masyarakat membantutkan pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu banyak negara lain yang tersalah langkah mengabaikan perpaduan nasional telah membuat pembetulan sewajarnya di dalam usaha mereka untuk kemajuan ekonomi. Ini akan menolak kita ke belakang di dalam era persaingan global kini.

Di dalam perjalanan menuju ke arah negara maju, isu perpaduan nasional perlu diberi semakan sewajarnya. Yang paling dikhuatiri adalah kos pemulihan yang tinggi kepada masyarakat. Sudah tentu rakyat jelata tidak ingin melihat apa yang dibina diruntuhkan begitu sahaja. Kita perlu sedar juga bahawa perpaduan masyarakat ini menguntungkan semua kaum dan pertelingkahan pula merugikan semua. Maka ianya perlu menjadi motif kepada semua untuk sama-sama berjuang ke arah pengukuhan perpaduan nasional.

Apa yang jelas, perpaduan masyarakat yang membantu negara mencapai ke tahap sekarang masih di landasan yang rapuh. Masih banyak isu-isu berkaitan perkauman yang perlu diperbaiki. Tidak keterlaluan sekiranya dirumuskan bahawa isu-isu berkaitan perkauman ini mula timbul kebiasaannya apabila negara menghadapi krisis berkaitan ekonomi, secara langsung atau tidak. Ini bermakna, faktor-faktor asas perpaduan perlu diperhalusi. Ianya kurang berkesan jika hanya ditangani semata-mata pada peringkat pemulihan.

Terdapat pendapat yang mengaitkan kesulitan untuk mencapai perpaduan nasional kepada empat perkara. Pertama, kekurangan semangat kekitaan berdasarkan sejarah. Kedua, ketiadaan persamaan dari segi bahasa, agama, sejarah dan adat resam. Ketiga, kemiskinan dan buta huruf. Keempat, pengaruh sesuatu kaum yang memecahbelahkan masyarakat.

Suatu pendekatan positif perlu diambil di dalam usaha mewujudkan atau memperkukuhkan perpaduan nasional. Sudah pasti seluruh masyarakat ingin melihat pencapaian status negara maju yang dihajati berserta keharmonian masyarakat. Jika diteliti di antara empat perkara tersebut di atas, apa yang terserlah sebagai satu asas ke arah memupuk perpaduan nasional adalah mewujudkan persamaan dari segi bahasa. Manakala, lain-lain perkara sama ada tiada isu yang perlu dikhuatiri atau perbezaan yang tidak menggugat perpaduan, seperti agama dan adat resam. Malahan, perbezaan tersebut menyumbangkan kepada kepelbagaian yang positif.

Justeru, memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah sangat penting. Ianya perlu menjadi matlamat semua kaum dan bukan dilihat sebagai matlamat orang Melayu untuk memartabatkan bahasa sendiri. Pendek kata, bahasa kebangsaan merupakan satu-satunya unsur terpenting sebagai alat pencapaian perpaduan nasional.

Sekali lagi sejarah kuasa besar, AS membuktikan betapa pentingnya keseragaman bahasa mampu meningkatkan perpaduan nasional. Bahasa Inggeris di martabatkan penggunaannya secara menyeluruh, walaupun rakyatnya terdiri dari pelbagai bangsa. Perkembangan teknologi penyiaran di abad ke dua puluh, yakni radio dan televisyen,

seterusnya mampu menyeragamkan penggunaan Bahasa Inggeris ke seluruh negara. Perlu diingat kejayaan mereka tidak berlaku di dalam masa yang singkat.

Bajet 2016 yang di bentangkan baru-baru ini memperuntukkan RM135 juta bagi memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Kemungkinan besar pengukuhan Bahasa Inggeris diberikan keutamaan. Mungkin suatu pendekatan perlu difikirkan di masa hadapan untuk perencanaan memartabatkan Bahasa Malaysia yang lebih efektif. Peruntukan bajet yang sedikit merupakan satu permulaan yang baik ke arah perancangan yang lebih komprehensif.

Namun yang lebih penting, isu memartabatkan Bahasa Malaysia perlu dilihat bersama sistem pendidikan kebangsaan secara yang lebih komprehensif. Melihat dari sistem yang sedia ada mungkin merupakan suatu kecacatan. Semua pihak perlu menangani isu ini dengan hati yang terbuka.